

Kuala Terengganu: Harga munasabah bagi telur penyu yang dibeli daripada pemajak di Terengganu akan dimuktamadkan kerajaan negeri tidak lama lagi, kata Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu Ruzaidi Matmat.

Beliau berkata, harga RM1.50 untuk sebiji telur penyu yang dicadangkan sebelum ini bukanlah harga muktamad kerana pihaknya sedia maklum dengan rungutan yang timbul daripada pihak pemajak.

“Mesyuarat itu nanti akan turut dihadiri pemajak telur penyu di pantai-pantai Terengganu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sya-

rikat korporat yang terlibat dengan usaha konservasi penyu di negeri ini,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Kempen Kesedaran Penyu Terengganu di sini.

Terdapat 34 pantai pajakan di seluruh Terengganu dan setakat ini 19 pantai telah dipajak untuk tujuan pengurusan pemuliharaan penyu manakala bakinya masih terbuka untuk mana-mana NGO atau syarikat korporat yang berminat.

Ruzaidi berkata, setakat ini terdapat tujuh rakan strategik Jabatan Perikanan



RUZAIDI (kanan) pada program Kempen Kesedaran Penyu Terengganu di Galeri Jambatan Angkat. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Harga telur penyu RM1.50 belum muktamad

Hh 11/6/2022
ms : 12

“Mesyuarat itu nanti akan turut dihadiri pemajak telur penyu di pantai-pantai Terengganu”

Ruzaidi

Negeri Terengganu yang serius mahu terlibat dengan usaha konservasi penyu di Terengganu dan daripada jumlah itu, dua sudah memberi persetujuan untuk

membeli telur penyu daripada pemajak.

Awal bulan lalu pemajak telur penyu di Terengganu menggesa kerajaan negeri mengkaji semula harga belian telur eksotik itu kerana nilai baharu iaitu RM1.50 sebiji dikatakan terlalu rendah berbanding RM3 sebelum ini.

Pemajak mendakwa harga baharu itu tidak ‘masuk akal’ dan tidak setimpal dengan kos yang perlu dikeluarkan untuk mencari telur penyu di kawasan pantai pendaratan penyu yang telah dipajak.